

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

SEU414 - Kewangan Antarabangsa

Masa: [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA (5) soalan kesemuanya. Jawab SEMUA soalan dari Bahagian A dan mana-mana DUA (2) soalan dari Bahagian B.

Bahagian A

Jawab SEMUA soalan.

Soalan 1

- (a) Bincangkan isu-isu utama semasa imbalan pembayaran Malaysia. (35 markah)
- (b) Cadangkan dasar-dasar dan langkah-langkah yang boleh digunakan untuk mengatasi masalah imbalan pembayaran Malaysia. Berikan penjelasan bagaimana dasar-dasar dan langkah-langkah yang anda telah cadangkan boleh membetulkan masalah imbalan pembayaran Malaysia. (65markah)

Soalan 2

- (a) Bandingkan operasi dan keberkesanan sistem kewangan masa kini dan sistem Bretton Woods. Apakah prospek untuk sistem ini terus bertahan pada masa depan yang terdekat? Jelaskan. (45 markah)

...2/-

- (b) Beri sebab-sebab mengapa negara-negara kecil memilih untuk memancang kadar pertukaran mereka sementara negara-negara besar memilih untuk mengapungkan kadar pertukaran mereka.. (25 markah)
- (c) Jelaskan sistem kadar pertukaran yang diamalkan oleh Malaysia sekarang. Berikan hujah-hujah untuk menyokong pemilihan sistem ini. (30markah)

Soalan 3

- (a) Bezakan di antara kadar pertukaran nominal, kadar pertukaran benar, kadar pertukaran berkesan nominal dan kadar pertukaran berkesan benar. (20 markah)
- (b) Jelaskan kegunaan kadar pertukaran berkesan nominal dan benar. (15 markah)
- (c) Dalam konteks apakah sesuatu matawang itu boleh dianggap sebagai (i) terlebih nilai dan (ii) terkurang nilai? Jelaskan. (20 markah)
- (d) Jika ringgit terlebih nilai di pasaran pertukaran asing seperti pada tahun-tahun 1980-1984, apakah kesan yang mungkin berlaku ke atasimbangan dagangan Malaysia? Bagaimana jika ringgit menjadi terkurang nilai? (25 markah)
- (e) Analisis kesan kenaikan nilai yen berikutan Perjanjian Plaza ke atas ekonomi Malaysia. (20 markah)

Bahagian B

Jawab mana-mana DUA (2) soalan sahaja.

Soalan 4

- (a) Tiga pendekatan utama yang digunakan untuk menganalisis kesan ekonomi satu penurunan nilai matawang ialah pendekatan keanjalan, penyerapan dan kewangan. Bezakan di antara ketiga-tiga pendekatan ini. (40 markah)
- (b) Dengan menggunakan pendekatan keanjalan, terangkan dan tunjukkan bagaimana penurunan nilai matawang sesebuah negara boleh mengatasi masalah defisitimbangan pembayarannya. (30 markah)

- (c) Terangkan apakah yang dimaksudkan dengan (i) syarat Marshall-Lerner dan (ii) kesan keluk J dan kaitannya dengan penurunan nilai matawang?
(15 markah)
- (d) Pada pendapat anda adakah penurunan nilai ringgit satu langkah yang berkesan bagi mengatasi masalah defisit dalam akaun semasa imbalan pembayaran Malaysia? Berikan sebab-sebab.
(15 markah)

Soalan 5

- (a) Analisis hubungan di antara pendapatan negara dan imbalan dagangan bagi sebuah ekonomi terbuka.
(15 markah)
- (b) Jelaskan mekanisme pemancaran kitaran perniagaan dari sesebuah negara ke negara-negara lain.
(20 markah)
- (c) Bincangkan kesan pantulan asing di bawah sistem kadar pertukaran terapung untuk sebuah ekonomi terbuka.
(30 markah)
- (d) Bermula dari paras pendapatan negara keseimbangan dan keseimbangan dalam imbalan pembayaran negara A dan B dan diberikan $MPS_A = 0.20$, $MPS_B = 0.15$, $MPM_A = 0.20$ dan $MPM_B = 0.10$, hitungkan perubahan dalam paras keseimbangan pendapatan negara dan imbalan dagangan negara A daripada:
(i) kenaikan autonomi dalam eksport negara A sebanyak 200
(ii) kenaikan autonomi dalam pelaburan negara A sebanyak 200
(35 markah)

Soalan 6

- (a) Kenalpastikan pendekatan-pendekatan yang paling sesuai untuk menentukan kadar pertukaran dalam (i) jangka pendek dan (ii) jangka panjang.
(10 markah)
- (b) Terangkan bagaimana setiap pendekatan tersebut boleh menjelaskan pergerakan kadar pertukaran.
(70 markah)
- (c) Apakah kelemahan setiap pendekatan dalam meramalkan kadar pertukaran?
(20 markah)

Soalan 7

- (a) Bezakan di antara dasar-dasar mengalih perbelanjaan dan dasar-dasar mengubah perbelanjaan. (20 markah)
- (b) Mengapakah dasar fiskal adalah berkesan dan dasar kewangan tidak berkesan di bawah sistem kadar pertukaran tetap dan sebaliknya di bawah sistem kadar pertukaran fleksibel? (30 markah)
- (c) Terangkan dengan jelas dengan bantuan gambarajah Swan bagaimana dasar-dasar mengubah dan mengalih perbelanjaan boleh membawa kepada keseimbangan keseluruhan bagi sebuah ekonomi yang mengalami defisit imbalan pembayaran dan inflasi. (50 markah)

Soalan 8

- (a) Bandingkan di antara kontrak ke hadapan, ke masa depan dan opsiyen. Apakah perbezaan di antara kontrak-kontrak ini jika ada? Jelaskan kegunaan kontrak-kontrak ini. (30 markah)
- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan premium atau diskaun ke hadapan bagi sesuatu kontrak pertukaran asing? (10 markah)
- (c) Bincangkan perbezaan di antara spekulasi dan perlindungan nilai. (30 markah)
- (d) Bincangkan perbezaan di antara arbitraj geografi dan arbitraj bunga terlindung. (30 markah)

- oo oOo oo -